

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ZAIEDI SUHAILI

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 10

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik sebenar Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang diselenggara dan dikelola oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sejauh manakan Kerajaan menangani kes-kes penganaiyaan dan penderaan kanak-kanak khususnya di Pusat Jagaan Kanak-Kanak

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN NO. 45

Datuk Ras Adiba Binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi isu penderaan kanak-kanak yang berlaku di pusat jagaan serta adakah Kerajaan bercadang menutup kesemua pusat jagaan yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada **YB Senator Tuan Zaiedi Suhaili**, bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Senator Datuk Ras Adiba Binti Mohd Radzi** bertarikh **6 Oktober** 2021 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan sentiasa memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan penghuni di semua pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. **Sehingga Julai 2021, terdapat 1,207 pusat jagaan kanak-kanak daripada jumlah keseluruhan 1,866 pusat jagaan berdaftar. Dari jumlah ini, sebanyak 483 dikendalikan oleh pihak NGO. Dan selebihnya 1,383 dikendalikan pihak swasta atau persendirian.**

Bagi memastikan pusat jagaan ini diuruskan dengan baik, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa melakukan pemeriksaan bagi memantau pengoperasian pusat jagaan dari semasa ke semasa agar mematuhi standard minimum yang telah ditetapkan. **Sehingga Julai 2021, sebanyak 868 kali pemeriksaan mengejut dan berkala telah dilakukan ke atas 868 pusat jagaan.**

JKM juga telah dilantik sebagai Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit [*Akta 342*] berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2021. **Sehingga kini, seramai 1,313 orang Pegawai Diberi Kuasa** telah dilantik sebagaimana peruntukan Akta 342 tersebut. Di bawah lantikan ini, **JKM bertanggungjawab untuk memantau semua Pusat Jagaan berdaftar yang beroperasi semasa tempoh pandemik COVID-19 dengan mematuhi SOP yang telah dikeluarkan** oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

SOALAN NO. : 10, 45

Kementerian juga komited dalam memastikan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas pusat jagaan yang tidak berdaftar. Tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas pusat jagaan yang tidak berdaftar adalah lak, kompaun dan dakwa. **Sehingga Ogos 2021, sebanyak 59 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pusat jagaan tidak berdaftar.**

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status, perkembangan dan garis masa pembentangan Rang Undang-undang Gangguan Seksual bagi melindungi dan memastikan kesejahteraan kehidupan sosial masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Draf Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS) telah **digubal secara kolektif melalui sebuah pasukan projek khas** dengan penyertaan pelbagai pihak yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkaitan, badan-badan bukan kerajaan serta ahli-ahli akademik. Saya amat menghargai komitmen dan usaha keras setiap pihak yang membantu menyediakan draf RUU AGS ini.

Beberapa **sesi libat urus** juga telah dan sedang dilaksanakan dengan pihak-pihak yang akan terkesan dengan pelaksanaannya. Draf ini di peringkat pemurnian secara bersama oleh KPWKM dan Jabatan Peguam Negara (AGC). Proses pengubalan dan semakan RUU adalah satu **proses yang perlu dilakukan dengan teliti** bagi memastikan RUU ini benar-benar mampu menangani kelompangan perundangan sedia ada dan isu-isu pelaksanaan yang akan timbul.

Pada masa ini, kes-kes gangguan seksual ditangani melalui **akta dan peraturan lain** seperti:

- i. Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
- ii. Akta Kerja 1995 [*Akta 265*];
- iii. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*];
- iv. Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993]; dan
- v. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga sedang membangunkan Modul Intervensi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja untuk kegunaan Pegawai Psikologi atau Kaunselor Organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja.

SOALAN NO. : 25

Pada masa yang sama, Kementerian terutamanya melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) giat mengadakan program-program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual supaya dapat mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual ataupun lain-lain bentuk. Pada tahun ini sehingga Jun 2021, sebanyak 53 program kesedaran telah dilaksanakan oleh JPW dengan penglibatan seramai 11,367 peserta di seluruh negeri.

Sekian, terima kasih.